



Ruj.Kami : JPA.BK(S) 134/8/58 Jld.3(|)

Tarikh : 22 Mac 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/ Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/ OPERASI) [PT(P/O)] GRED N26 PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN DI KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PDRM)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan pengisian jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 di **Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia** seperti senarai di **Lampiran A1** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat PT(P/O) Gred N22 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 pada **31 Disember 2011 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N22 berubah ke tarikh 1 Januari 2012;**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2015, 2016 dan 2017) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.8 **Tidak bersara wajib** atau **memilih bersara pilihan** dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan hanya calon yang **bersedia untuk penempatan di Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia seperti senarai di Lampiran A1** sahaja digalakkan memohon kerana urusan pemangkuan ini hanya bagi tujuan penempatan di lokasi yang dinyatakan di **Lampiran A1** sahaja.

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 24 April 2018** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Diingatkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk **memastikan hanya permohonan** daripada pegawai yang **memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2** sahaja dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (hanya salinan buku rekod perkhidmatan pada muka surat tarikh kenaikan pangkat pegawai ke Gred N22 yang perlu disertakan bersama permohonan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses dan adalah menjadi **tanggungjawab** pegawai yang memohon untuk menyemak sama ada permohonan telah diterima oleh urus setia **sebelum** tarikh tutup.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Tuan Syed Zahrin bin Syed Abdul Rani - 03-8885 4943
zahrin.rani@jpa.gov.my
- ii. Puan Nur Hafizah binti Mahadi - 03-8885 4320
hafizah.mahadi@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110
✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my

1. Senarai Penempatan Kementerian Pertahanan.

KOD	NEGERI	LOKASI JABATAN
01	Johor	Markas Garison, Mersing
02	Terengganu	Pangkalan Udara Gong Kedak, Jerneh

2. Senarai Penempatan Di Polis Diraja Malaysia.

KOD	NEGERI	LOKASI JABATAN
03	Johor	IPD Muar
04	Terengganu	IPD Hulu Terengganu
05		IPD Dungun
06	Kelantan	IPD Kuala Krai
07	Melaka	IPD Melaka Tengah
08	Perak	IPK Perak
09		IPD Tapah
10		IPD Batu Gajah
11		IPD Hilir Perak
12		IPD Kuala Kangsar
13		KDNKA Bridged Utara, Ulu Kinta
14		Pahang
15		IPD Kuala Lipis
16	Pulau Pinang	IPK Pulau Pinang
17		IPD Timur Laut
18	Selangor	IPD Kuala Selangor
19		IPD Kuala Langat
20		IPD Sepang
21		IPD Gombak
22		IPD Petaling Jaya
23		Negeri Sembilan
24	Kuala Lumpur	Maktab PDRM, Kuala Lumpur
25		IPD Brickfields
26		IPD Sentul
27		Ibu Pejabat Polis Bukit Aman

**Pemohon hendaklah membuat semakan lokasi jabatan terlebih dahulu sebelum mengisi kod di borang permohonan.*